
SEMINAR AL-QURAN 2.0



SEJARAH AL-QURAN
&
PENGENALAN ILMU TAFSIR

www.alkahfi.com.my

Kandungan

Pengumpulan dan Penyusunan Al-Quran

Pengumpulan Al-Quran

Apabila para ulama membincangkan tentang pengumpulan al-Quran (جمع القرآن) ia akan berkaitan dengan dua perkara:

1- Pengumpulan al-Quran dalam bentuk dihafaz.

2- Pengumpulan al-Quran dalam bentuk penulisan.

Pengumpulan al-Quran dalam bentuk hafazan

Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam apabila menerima wahyu daripada Allah. Firman Allah:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (16) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ (17) فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ (18)

Janganlah kamu menggerakkan lidah kamu kerana tergesa-gesa untuk membacanya (16). Sesungguhnya Kami lah yang akan mengumpulkannya dan membuatkan kamu dapat membacanya (17). Apabila Kami membacanya, ikutilah bacaan tersebut (18). [Al-Qiyamah : 16-18]

Firman Allah berbunyi ((Sesungguhnya Kami lah yang akan mengumpulkannya)) bermaksud Allah akan membuatkan al-Quran itu dihafaz di dalam dada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Ini berdasarkan riwayat daripada Ibn ‘Abbas yang berikut:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، فِي قَوْلِهِ {لاَ تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ} قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِذَا نَزَلَ جِبْرِيلُ بِالْوَحْيِ، وَكَانَ مِمَّا يُحَرِّكُ بِهِ لِسَانَهُ وَشَفَتَيْهِ فَيَشْتَدُّ عَلَيْهِ وَكَانَ يُعْرَفُ مِنْهُ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ الآيَةَ الَّتِي فِي {لاَ أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ} {لاَ تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ * إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ} قَالَ عَلَيْنَا أَنْ نَجْمَعَهُ فِي صَدْرِكَ، وَقُرْآنَهُ {فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ} فَإِذَا أَنْزَلْنَاهُ فَاسْتَمِعْ {ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ} عَلَيْنَا أَنْ نُبَيِّنَهُ بِلِسَانِكَ. قَالَ. فَكَانَ إِذَا أَتَاهُ جِبْرِيلُ أَطْرَقَ، فَإِذَا ذَهَبَ قَرَأَهُ كَمَا وَعَدَهُ اللَّهُ. {أَوْلَى لَكَ فَأَوْلَى} تَوَعُّدٌ.

Daripada Ibnu ‘Abbas radiallahu ‘anhuma, berkaitan firman Allah: ((Janganlah kamu menggerakkan lidah kamu kerana tergesa-gesa untuk membacanya)). Ibn ‘Abbas berkata: Apabila Jibril turun membawa wahyu, baginda akan menggerakkan lidah dan bibirnya, dan keadaan itu sangat sukar untuk baginda. Daripada hal itu dapat diketahui wahyu sedang diturunkan. Lalu Allah menurunkan ayat dalam surah al-Qiyamah yang berbunyi: ((Janganlah kamu menggerakkan lidah kamu kerana tergesa-gesa untuk membacanya (16). Sesungguhnya Kami lah yang akan mengumpulkannya dan membuatkan kamu dapat membacanya (17).)) yang bermaksud: **Kamilah yang bertanggungjawab untuk mengumpulkan al-Quran di dalam dada kamu**, dan membolehkan kamu membacanya. Firman Allah: ((Apabila Kami membacanya, ikutilah bacaan tersebut (18).)) pula bermaksud apabila Kami telah menurunkannya, maka dengarlah. Firman Allah: ((Sesungguhnya Kami yang akan menerangkannya)) bermaksud: Kami akan

menerangkannya dengan lisan mu. Ibn ‘Abbas berkata: Oleh itu apabila Jibril datang, baginda akan mendiamkan diri, apabila Jibril telah pergi baginda akan membacanya sebagaimana yang Allah janjikan.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tafsir, hadis no: 4929]

Oleh kerana itu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam adalah orang pertama yang menghafaz al-Quran. Proses ini berlangsung selama 23 tahun sepanjang kerasulan baginda. Langkah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam ini diikuti oleh ramai sahabat yang turut menghafaz al-Quran. Ini bukanlah satu perkara yang menghairankan kerana bangsa Arab terkenal dengan kekuatan hafazan mereka.

Berikut merupakan riwayat-riwayat yang menunjukkan sahabat-sahabat radiallahu ‘anhum turut menghafaz al-Quran.

Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ . فَبَدَأَ بِهِ . وَسَالِمٍ مَوْلَى أَبِي حُذَيْفَةَ، وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، وَأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ

Ambillah al-Quran daripada empat orang iaitu: ‘Abdullah bin Mas’ud – baginda mula dengan menyebutkannya- , Salim Maula Abu Huzaifah, Muaz bin Jabal dan Ubay bin Ka’ab. [Sahih al-Bukhari, Kitab Manaqib al-Ansar, hadis no: 3808]

عَنْ أَنَسٍ . رضى الله عنه . قَالَ جَمَعَ الْقُرْآنَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم أَرْبَعَةٌ، كُلُّهُمْ مِنَ الأَنْصَارِ أُبَيٌّ، وَمُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ، وَأَبُو زَيْدٍ، وَزَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ. قُلْتُ لأَنَسٍ مَنْ أَبُو زَيْدٍ قَالَ أَحَدُ عُمُومَتِي.

Daripada Anas radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Empat orang sahabat menghafaz al-Quran di zaman nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Mereka semua adalah golongan Ansar iaitu Ubay, Muaz bin Jabal, Abu Zaid dan Zaid bin Tsabit. Aku (iaitu Qatadah) bertanya kepada Anas: Siapakah Abu Zaid? Beliau menjawab: Salah seorang daripada pakcikku. [Sahih al-Bukhari, Kitab Manaqib al-Ansar, hadis no: 3810]

Riwayat-riwayat di atas ini hanya menyebutkan sebahagian sahaja sahabat yang menghafaz al-Quran. Bukan bererti ia terhad kepada nama-nama di atas sahaja. Para sahabat berlumba-lumba menghafaz al-Quran. Ini terbukti dengan kehidupan mereka yang mana nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam sering melalui rumah orang-orang Ansar di waktu malam dan berhenti untuk mendengar alunan bacaan al-Quran mereka.

Riwayat-riwayat di atas menunjukkan bahawa nama-nama yang disebut itu adalah mereka yang menghafaz keseluruhan al-Quran. Adapun sahabat yang menghafaz al-Quran tetapi tidaklah keseluruhan al-Quran yang dihafaz, jumlahnya sangatlah ramai. Riwayat-riwayat di atas hanya menyebutkan nama-nama yang diketahui menghafaz al-Quran, sedangkan jumlah sahabat terlalu ramai, dan tidak semua daripada mereka membentangkan hafazan mereka kepada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Dalam peristiwa Birr Maunah, seramai 70 orang qurra telah terbunuh. Ini menunjukkan ramainya penghafaz al-Quran.

Pengumpulan al-Quran dalam bentuk penulisan

Zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam

Penulisan al-Quran telah bermula di zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Baginda melantik beberapa orang sahabat untuk menjadi jurutulis al-Quran. Para sahabat ini akan merekodkan dalam bentuk penulisan apabila sesuatu wahyu diturunkan. Antara sahabat yang dilantik sebagai jurutulis wahyu ialah ‘Ali, Mu’awiyah, ‘Ubay bin Ka’ab, dan Zaid bin Tsabit radiallahu ‘anhum. Penulisan al-Quran ini telah menguatkan lagi hafazan para sahabat kepada al-Quran.

Apabila turun sesuatu wahyu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam akan menyuruh sahabat-sahabat di atas menuliskan ayat tersebut dan memberitahu mereka di mana sepatutnya diletakkan ayat tersebut di dalam sesuatu surah.

Penulisan al-Quran tidak terhad kepada sahabat-sahabat yang dilantik oleh Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam, bahkan ia dilakukan juga oleh sahabat-sahabat yang lain tanpa arahan daripada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Mereka menulis pada pelepah kurma, batu, kulit, kayu dan lain-lain.

Ini semua menunjukkan kesungguhan para sahabat dalam menuntut ilmu dan merekodkan ilmu yang diambil daripada wahyu. Dalam keadaan peralatan yang tidak mencukupi, mereka tetap merekodkannya dalam bentuk penulisan.

Penulisan al-Quran yang dilakukan oleh para sahabat di zaman nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam masih belum dalam bentuk mushaf yang lengkap. Ini kerana ada sebahagian ayat yang ada pada rekod sebahagian sahabat, tetapi tidak ada pada sahabat yang lain, yang boleh jadi disebabkan ketika wahyu itu turun, mereka tidak bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam wafat dalam keadaan al-Quran telah dihafaz sepenuhnya, dan para sahabat juga telah mengetahui tentang susun atur ayat dan surah. Akan tetapi semua itu masih belum lagi dikumpulkan dalam satu mushaf.

Kenapakah mushaf yang lengkap masih belum wujud di zaman nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam?

- Ini kerana wahyu sentiasa diturunkan. Jadi jika ia dibukukan, maka akan sentiasa ada penambahan perlu dilakukan.
- Wahyu tidak diturunkan mengikut tertib ayat yang ada dalam mushaf sekarang. Ada wahyu yang awal turunnya tetapi berada dalam susunan terkemudian di dalam mushaf yang ada sekarang. Maka ia menghalang daripada ia dicatatkan dalam mushaf yang sempurna.
- Adakalanya turun wahyu yang memansuhkan/nasakh wahyu yang turun sebelumnya.

Daripada sebab-sebab di atas jelas diketahui bahawa pada zaman nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam terdapat banyak penghalang daripada al-Quran dibukukan kerana ia masih dalam proses penurunan wahyu. Hanya selepas kewafatan baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam, barulah wahyu terhenti, lalu susunan ayat sudah muktamad dan tiada lagi berlaku perubahan kepada al-Quran.

Zaman Abu Bakar radiallahu ‘anhu

Selepas kewafatan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam, Abu Bakar as-Siddiq radiallahu ‘anhu dilantik menjadi khalifah. Antara cabaran yang beliau hadapi ketika itu ialah pemberontakan golongan murtad dan munculnya nabi-nabi palsu.

Pada tahun 12 hijrah, telah berlakunya peperangan Yamamah antara kaum Muslimin yang dipimpin oleh Khalid al-Walid radiallahu ‘anhu menentang pasukan nabi palsu pimpinan Musailamah al-Kazzab. Dalam peperangan ini ramai sahabat yang menghafaz al-Quran telah terbunuh. Ini menimbulkan kerisauan kepada ‘Umar al-Khattab radiallahu ‘anhu. ‘Umar juga risau kerana masih banyak peperangan perlu dilalui, dan risiko yang besar jika penghafaz-penghafaz al-Quran berterusan mati dalam peperangan.

Beliau mengemukakan idea untuk membukukan al-Quran, akan tetapi idea itu ditolak pada mulanya oleh Abu Bakar as-Siddiq kerana ia tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. ‘Umar berterusan memujuk hingga akhirnya hati Abu Bakar as-Siddiq terbuka untuk menerima cadangan tersebut. Riwayat di bawah menceritakan kisah tersebut:

عَنْ عُبَيْدِ بْنِ السَّبَّاقِ، أَنَّ زَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ . رضى الله عنه . قَالَ أَرْسَلَ إِلَيَّ أَبُو بَكْرٍ مَقْتَلَ أَهْلِ الْيَمَامَةِ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ عِنْدَهُ قَالَ أَبُو بَكْرٍ . رضى الله عنه . إِنَّ عُمَرَ أَتَانِي فَقَالَ إِنَّ الْقَتْلَ قَدِ اسْتَحَرَّ يَوْمَ الْيَمَامَةِ بِقُرَّاءِ الْقُرْآنِ وَإِنِّي أَخْشَى أَنْ يَسْتَحِرَّ الْقَتْلُ بِالْقُرَّاءِ بِالْمَوَاطِنِ، فَيَذْهَبَ كَثِيرٌ مِنَ الْقُرْآنِ وَإِنِّي أَرَى أَنْ تَأْمُرَ بِجَمْعِ الْقُرْآنِ.

Zaid bin Tsabit radiallahu ‘anhu menceritakan: Abu Bakar radiallahu ‘anhu menghantar berita kepada ku tentang pembunuhan di Yamamah. Ketika itu Umar berada bersama beliau. Abu Bakar berkata: Sesungguhnya Umar datang kepada aku lalu berkata: Sesungguhnya peperangan tersebut telah mengambil nyawa ramai penghafaz al-Quran. Aku takut pembunuhan ke atas ramai penghafaz al-Quran akan berlaku juga di tempat-tempat lain sehingga ramai penghafaz al-Quran akan mati. Sesungguhnya aku berpendapat untuk menyuruh dikumpulnya al-Quran.

قُلْتُ لِعُمَرَ كَيْفَ تَفْعَلُ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ عُمَرُ هَذَا وَاللَّهِ خَيْرٌ. فَلَمْ يَزَلْ عُمَرُ يُرَاجِعُنِي حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ صَدْرِي لِذَلِكَ، وَرَأَيْتُ فِي ذَلِكَ الَّذِي رَأَى عُمَرُ.

Aku berkata kepada Umar: Bagaimana boleh engkau melakukan sesuatu yang tidak Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam lakukan. Umar menjawab: Demi Allah, hal ini baik. Umar berterusan memujukku sehingga Allah telah melapangkan dada ku untuk menerima hal itu. Aku berpendapat yang sama dengan Umar dalam hal itu.

قَالَ زَيْدٌ قَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّكَ رَجُلٌ شَابٌّ عَاقِلٌ لاَ نَتَّهِمُكَ، وَقَدْ كُنْتَ تَكْتُبُ الْوَحْىَ لِرَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَتَتَبَّعِ الْقُرْآنَ فَاجْمَعْهُ فَوَاللَّهِ لَوْ كَلَّفُونِي نَقْلَ جَبَلٍ مِنَ الْجِبَالِ مَا كَانَ أَثْقَلَ عَلَيَّ مِمَّا أَمَرَنِي مِنْ جَمْعِ الْقُرْآنِ

Zaid menyatakan: Abu Bakar berkata: Sesungguhnya engkau anak muda yang bijak dan kami tidak meragui kemampuan mu. Sesungguhnya engkau telah menulis wahyu untuk Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam, oleh kerana itu carilah al-Quran dan kumpulkan ia. (Zaid berkata): Demi Allah,

jika dibebankan ke atas ku untuk memindahkan gunung daripada gunung-gunung yang ada, tidaklah itu lebih berat ke atas ku berbanding arahannya untuk aku mengumpulkan al-Quran.

قُلْتُ كَيْفَ تَفْعَلُونَ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ هُوَ وَاللَّهِ خَيْرٌ فَلَمْ يَزَلْ أَبُو بَكْرٍ يُرَاجِعُنِي حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ صَدْرِي لِلَّذِي شَرَحَ لَهُ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ . رضى الله عنهما .

Aku berkata: Bagaimana boleh kalian melakukan sesuatu yang tidak Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam lakukan. Abu Bakar menjawab: Demi Allah, ia baik. Abu Bakar berterusan memujuk aku sehingga Allah melapangkan dada aku sebagaimana Dia telah melapangkan dada Abu Bakar dan Umar.

فَتَتَبَّعْتُ الْقُرْآنَ أَجْمَعُهُ مِنَ الْعُسُبِ وَاللِّخَافِ وَصُدُورِ الرِّجَالِ حَتَّى وَجَدْتُ آخِرَ سُورَةِ التَّوْبَةِ مَعَ أَبِي خُزَيْمَةَ الأَنْصَارِيِّ لَمْ أَجِدْهَا مَعَ أَحَدٍ غَيْرَهُ {لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ} حَتَّى خَاتِمَةِ بَرَاءَةَ، فَكَانَتِ الصُّحُفُ عِنْدَ أَبِي بَكْرٍ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ عِنْدَ عُمَرَ حَيَاتَهُ ثُمَّ عِنْدَ حَفْصَةَ بِنْتِ عُمَرَ . رضى الله عنه ..

Lalu aku pun mencari al-Quran. Aku mengumpulkannya daripada pelepah kurma, kepingan batu, dan daripada hafazan manusia sehingga aku menemui akhir surah at-Taubah ada pada Abu Khuzaimah al-Ansariy yang mana aku tidak menemuinya pada orang lain. Firman Allah itu: Sesungguhnya telah datang kepada kalian rasul daripada kalangan kalian, berat terasa olehnya penderitaanmu sehingga tamat surah at-Taubah. Mushaf itu berada pada Abu Bakar sehingga beliau meninggal dunia, kemudian bersama Umar sepanjang hayatnya, kemudian ia berada dalam simpanan Hafsah bte Umar.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 4986]

Ini menunjukkan ketelitian Zaid. Walaupun beliau dan ramai sahabat lain ada yang sudah menghafaz al-Quran, akan tetapi mereka tetap mencari al-Quran yang telah dituliskan. Ini untuk memastikan ketepatan al-Quran tersebut. Penelitian tersebut dapat dilihat dalam riwayat berikut:

Ibnu Abi Daud meriwayatkan dalam Al-Masahif: Abu Bakar berkata kepada Umar dan Zaid:

اقْعُدَا عَلَى بَابِ الْمَسْجِدِ فَمَنْ جَاءَكُمَا بِشَاهِدَيْنِ عَلَى شَيْءٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَاكْتُبَاهُ

Duduklah di pintu masjid. Sesiapa yang datang kepada kalian dengan dua orang saksi atas apa daripada kitab Allah, maka catatkan ia. [Fathul Bari, Perawinya thiqah, akan tetapi ia terputus].

Kewujudan dua saksi ini untuk memastikan ia benar-benar daripada al-Quran.

Oleh kerana itu, 'Ali radiallahu 'anhu berkata:

أَعْظَمُ النَّاسِ فِي الْمَصَاحِفِ أَجْرًا أَبُو بَكْرٍ ، رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَى أَبِي بَكْرٍ ، هُوَ أَوَّلُ مَنْ جَمَعَ كِتَابَ اللَّهِ

Manusia yang paling banyak memperolehi pahala dalam pembukuan al-Quran ialah Abu Bakar. Rahmat Allah ke atas Abu Bakar. Dia merupakan orang pertama yang mengumpulkan kitab Allah.

[Ibn Abi Daud dalam Al-Masahif. Ibn Hajar menyatakan isnadnya hasan di dalam Fathul Bari].

Oleh kerana itu kita ketahui bahawa pembukuan Al-Quran secara sempurna telah dilakukan oleh Abu Bakar as-Siddiq radiallahu ‘anhu. Akan tetapi ketika itu masih terdapat mushaf-mushaf lain yang dimiliki oleh para sahabat lain seperti mushaf Ali, mushaf Ubai bin Ka’ab dan mushaf Abdullah bin Mas’ud. Akan tetapi mushaf-mushaf ini kesemua tidak disusun dengan ketelitian, masih lagi mengandungi bacaan-bacaan yang telah mansukh.

Zaman Uthman radiallahu ‘anhu

Apabila Islam semakin tersebar luas, para penghafaz al-Quran yang akan mengajarkan al-Quran ke merata tempat akan mengajar masyarakat setempat melalui bacaan yang mereka pelajari daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Sebagaimana yang akan dibincangkan, Al-Quran itu diturunkan dengan ‘7 Huruf’. Oleh kerana itu, setiap guru al-Quran yang mengajar masyarakat adakalanya akan membaca dengan bacaan yang berbeza, sedangkan kesemua bacaan itu datang daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Murid yang mempelajari daripada guru akan mengikut bacaan guru tersebut. Masalah mula timbul apabila murid ini bertemu dengan murid lain yang belajar daripada guru yang lain yang membaca dengan cara bacaan yang lain. Pergaduhan, pertelagahan, bahkan sampai kepada kafir mengkafir berlaku kerana masing-masing menyatakan bahawa bacaan orang lain tidak betul.

Inilah situasi yang berlaku di zaman Uthman radiallahu ‘anhu.

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu menceritakan:

أَنَّ حُذَيْفَةَ بْنَ الْيَمَانِ قَدِمَ عَلَى عُثْمَانَ وَكَانَ يُغَازِي أَهْلَ الشَّأْمِ فِي فَتْحِ إِرْمِينِيَةَ وَأَذْرَبِيجَانَ مَعَ أَهْلِ الْعِرَاقِ فَأَفْزَعَ حُذَيْفَةَ اخْتِلاَفُهُمْ فِي الْقِرَاءَةِ فَقَالَ حُذَيْفَةُ لِعُثْمَانَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ أَدْرِكْ هَذِهِ الأُمَّةَ قَبْلَ أَنْ يَخْتَلِفُوا فِي الْكِتَابِ اخْتِلاَفَ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى

Huzaifah bin al-Yaman radiallahu ‘anhu datang kepada Uthman radiallahu ‘anhu. Huzaifah telah menyertai peperangan melawan penduduk Syam dalam pembukaan Armaniah dan Azarbaijan bersama-sama dengan penduduk Iraq. Huzaifah terkejut apabila mendapati perbezaan mereka dalam membaca al-Quran. Huzaifah menyatakan kepada Uthman: Wahai Amirul Mukminin, selamatkanlah umat ini sebelum mereka akan berselisih tentang al-Quran sebagaimana berselisihnya Yahudi dan Nasrani.

فَأَرْسَلَ عُثْمَانُ إِلَى حَفْصَةَ أَنْ أَرْسِلِي إِلَيْنَا بِالصُّحُفِ نَنْسَخُهَا فِي الْمَصَاحِفِ ثُمَّ نَرُدُّهَا إِلَيْكِ فَأَرْسَلَتْ بِهَا حَفْصَةُ إِلَى عُثْمَانَ فَأَمَرَ زَيْدَ بْنَ ثَابِتٍ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ الزُّبَيْرِ وَسَعِيدَ بْنَ الْعَاصِ وَعَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ فَنَسَخُوهَا فِي الْمَصَاحِفِ

Kemudian Uthman menghantar surat kepada Hafsah yang bertulis: Hantarlah kepada kami mushaf al-Quran agar kami dapat menyalinnya menjadi beberapa mushaf, kemudian kami akan memulangkannya kepada engkau. Lalu Hafsah mengirimkan mushaf itu kepada Uthman. Lalu

Uthman mengarahkan Zaid bin Tsabit, ‘Abdullah bin Az-Zubair, Sa’id bin al-‘As, dan ‘Abdul Rahman bin Al-Harith (untuk menyalinnya). Lalu kami pun menyalinnya menjadi beberapa mushaf.

وَقَالَ عُثْمَانُ لِلرَّهْطِ الْقُرَشِيِّينَ الثَّلاَثَةِ إِذَا اخْتَلَفْتُمْ أَنْتُمْ وَزَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ فِي شَىْءٍ مِنَ الْقُرْآنِ فَاكْتُبُوهُ بِلِسَانِ قُرَيْشٍ فَإِنَّمَا نَزَلَ بِلِسَانِهِمْ فَفَعَلُوا حَتَّى إِذَا نَسَخُوا الصُّحُفَ فِي الْمَصَاحِفِ رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحُفَ إِلَى حَفْصَةَ وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أُفُقٍ بِمُصْحَفٍ مِمَّا نَسَخُوا وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ.

Uthman berkata kepada tiga orang Quraisy tersebut: Apabila kalian berbeza pendapat dengan Zaid dalam menulis al-Quran, maka tulislah ia dengan loghat orang Quraisy. Sesungguhnya al-Quran turun dengan loghat mereka. Lalu mereka pun melakukan hal tersebut sehingga mereka telah membuat beberapa naskhah mushaf, kemudian Uthman memulangkannya mushaf asal kepada Hafsah. Kemudian Uthman mengirimkan mushaf-mushaf itu ke semua tempat dan memerintahkan agar mushaf-mushaf al-Quran yang lain dibakar.

[Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 4987]

Imam at-Thabari dalam tafsirnya membawakan pula riwayat berikut:

عن أبي قِلابة، قال: لما كان في خلافة عثمان، جعل المعلِّم يعلِّم قراءة الرجل، والمعلم يعلم قراءةَ الرجل، فجعل الغلمان يلتقون فيختلفون، حتى ارتفع ذلك إلى المعلمين – قال أيوب: فلا أعلمه إلا قال–: حتى كفر بعضهم بقراءة بعض.

Daripada Abu Qalabah, beliau berkata: Pada zaman Khalifah Uthman, terdapat seorang guru yang mengajar muridnya membaca al-Quran, dan terdapat juga seorang guru lain yang mengajar muridnya membaca al-Quran. Apabila kedua-dua murid ini bertemu, mereka berselisih, dan perselisihan itu merebak kepada kedua-dua guru mereka, sehingga mereka saling mengkafirkan antara satu sama lain kerana perbezaan bacaan al-Quran.

فبلغ ذلك عثمان، فقام خطيبًا فقال: "أنتم عندي تختلفون فيه وتلحنون، فمن نأى عني من أهل الأمصار أشد فيه اختلافًا وأشد لحنًا. اجتمعوا يا أصحابَ محمد، فاكتبوا للناس إمامًا".

Hal itu sampai kepada Uthman, lalu beliau bangun berkhutbah: Kalian yang berada di hadapan aku telah berselisih dan tersalah dalam membaca al-Quran. Mereka yang tinggal jauh daripada kami, lebih besarlah perselisihan dan kesalahan mereka dalam bacaan al-Quran. Bersatulah wahai sahabat-sahabat Muhammad, tulislah untuk manusia satu imam (iaitu satu mushaf al-Quran yang menjadi ikutan semua).

قال أبو قلابة، فحدثني أنس بن مالك قال: كنت فيمن يملى عليهم، قال: فربما اختلفوا في الآية فيذكرون الرجل قد تلقاها من رسول الله صلى الله عليه وسلم، ولعلهُ أن يكون غائبًا أو في بعض البوادي، فيكتبون ما

قبلها وما بعدها، ويَدعون موضعها، حتى يجيءَ أو يُرْسَلَ إليه. فلما فرغ من المصحف، كتب عثمان إلى أهل الأمصار: "إني قد صَنعتُ كذا وكذا، ومحوتُ ما عندي، فامحوا عندكم"

Abu Qilabah berkata: Anas menyampaikan kepada aku: Aku merupakan antara orang yang disuruh menulis. Ketika manusia berselisih pendapat tentang satu ayat, mereka akan memberitahu hal tersebut kepada seseorang yang telah mempelajarinya daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Kadang-kala orang tersebut tiada bersama mereka atau diluar kota, lalu mereka akan menulis apa yang sebelumnya dan selepasnya, serta membiarkan bahagian (yang tidak mereka ketahui), sehingga orang tadi datang atau dipanggil. Apabila penulisan mushaf telah selesai, Uthman menulis kepada semua penduduk: Sesungguhnya aku telah melakukan itu dan ini. Aku telah menghapuskan apa (iaitu mushaf) yang ada pada ku, maka hapuskanlah mushaf yang ada pada kalian.

[Jami’ al-Bayan, jilid 1, m/s 61-62]

Tindakan Uthman ini bukanlah tindakan bersendirian. Ia disokong oleh semua sahabat.

Ibnu Abi Daud meriwayatkan: Suwaid bin Ghaflah al-Ja’fi berkata, Ali radiallahu ‘anhu berkata:

يا أيها الناس، لا تغلوا في عثمان ولا تقولوا له إلا خيرا أو قولوا له خيرا في المصاحف وإحراق المصاحف، فوالله ما فعل الذي فعل في المصاحف إلا عن ملأ منا جميعا، فقال: ما تقولون في هذه القراءة ؟ فقد بلغني أن بعضهم يقول: إن قراءتي خير من قراءتك، وهذا يكاد أن يكون كفرا "، قلنا: فما ترى ؟ قال: " نرى أن نجمع الناس على مصحف واحد، فلا تكون فرقة، ولا يكون اختلاف" ،قلنا: فنعم ما رأيت.

Wahai sekalian manusia. Janganlah kalian melampaui batas ke atas Uthman, dan janganlah kalian berkata tentangnya kecuali kebaikan berkaitan mushaf dan pembakaran mushaf. Demi Allah, tidaklah dia melakukan hal yang dia lakukan ke atas mushaf-mushaf kecuali dengan persetujuan kami semua. Uthman berkata: Apa pendapat kalian tentang bacaan ini? Sesungguhnya telah sampai kepada aku bahawa sebahagian daripada mereka berkata bacaan aku lebih baik daripada bacaan engkau. Ini sudah hampir kepada kekufuran. Kami menjawab: Apa pandangan engkau? Uthman berkata: Aku berpendapat untuk kita satukan manusia di atas mushaf yang satu, lalu tidak akan terjadinya perpecahan, dan perselisihan. Lalu kami menjawab: Baik sungguh pendapat engkau.

[Al-Masohif, jilid 1, m/s 205. Al-Mubarakfuri dalam Tuhfatul Ahwazi menyatakan isnadnya sahih].

Perbezaan pengumpulan al-Quran di zaman Abu Bakar dan zaman Uthman radiallahu ‘anhum.

Oleh kerana itu kita akan mendapati bahawa terdapat perbezaan besar pengumpulan al-Quran yang dilakukan oleh Abu Bakar dan yang dilakukan oleh Uthman radiallahu ‘anhu.

Pembukuan yang pertama: Dilakukan oleh Abu Bakar radiallahu ‘anhu. Ia dilakukan kerana khuatir al-Quran akan hilang kerana ramai penghafaz al-Quran terbunuh. Ketika itu masih

terdapat mushaf-mushaf lain yang dimiliki oleh sahabat seperti Abdullah bin Mas'ud, dan Abu Bakar tidak mengarahkan mushaf-mushaf milik sahabat lain dihapuskan. Mushaf sempurna di zaman Abu Bakar pula tidak disebarkan ke wilayah-wilayah Islam yang lain.

Pembukuan yang kedua: Dilakukan oleh Uthman radiallahu 'anhu. Ia dilakukan kerana umat Islam sudah mula berpecah kerana bacaan al-Quran dengan cara yang berbeza sedangkan kesemua itu datangnya daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam sendiri. Apabila telah sempurnan penyusunan mushaf dalam loghat Quraisy. Maka Uthman mengarahkan mushaf-mushaf lain dihapuskan, dan mushaf yang sudah sempurna itu dibuat dalam beberapa naskhah dan dihantar ke wilayah-wilayah Islam.

Penyusunan Ayat Al-Quran

Para ulama meriwayatkan bahawa telah berlaku ijma'/kesepakatan ulama bahawa penyusunan ayat al-Quran merupakan perkara yang tawqifi dan bukannya ijtihad. Jibril datang kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam dan menunjukkan kepada nabi sallallahu 'alaihi wa sallam dimana kedudukan sesuatu ayat. Ini berdasarkan riwayat berikut:

Daripada Uthman bin Abi Al-'As radiallahu 'anhu, beliau berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam menyatakan kepadanya:

أَتَانِي جِبْرِيلُ فَأَمَرَنِي أَنْ أَضَعَ هَذِهِ الآيَةَ بِهَذَا الْمَوْضِعِ مِنْ هَذِهِ السُّورَةِ

Jibril telah datang kepada ku dan menyuruh aku meletakkan ayat ini di tempat ini daripada surah ini. [Musnad Ahmad, Musnad Uthman bin Abi Al-'As, hadis no: 17947, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya dhaif]

Begitu terdapat banyak dalil menunjukkan secara tidak langsung bahawa susunan ayat al-Quran adalah berdasarkan wahyu daripada Allah.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنَ الدَّجَّالِ "

Daripada Abu ad-Darda' radiallahu 'anhu, nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Sesiapa menghafaz sepuluh ayat pertama daripada surah Al-Kahfi, dia akan dilindungi daripada Dajjal. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 809].

Perkataan 'sepuluh ayat pertama daripada surah Al-Kahfi' menunjukkan ayat itu tersusun berdasarkan wahyu sehinggakan ia mempunyai fadhilat tersendiri.

Setiap tahun dalam bulan Ramadhan, malaikat Jibril akan datang mengajar al-Quran kepada nabi sallallahu 'alaihi wa sallam setiap malam.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَجْوَدَ النَّاسِ وَأَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَام يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ ، فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ"

Ibnu Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: "Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam adalah orang yang paling murah hati, lebih-lebih ketika Jibril datang bertemunya pada malam bulan Ramadhan. Jibril datang bertemu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pada setiap malam Ramadhan dan mengajarnya al-Quran. Sesungguhnya sifat murah hati Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam lebih baik daripada angin yang bertiup." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no : 3554].

Pada tahun yang terakhir, malaikat Jibril datang berjumpa nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam sebanyak 2 kali.

Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam menyatakan kepada Fatimah radiallahu ‘anhu ketika baginda sedang nazak:

إِنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُعَارِضُنِي الْقُرْآنَ كُلَّ سَنَةٍ مَرَّةً، وَإِنَّهُ عَارَضَنِي الْعَامَ مَرَّتَيْنِ، وَلاَ أُرَاهُ إِلاَّ حَضَرَ أَجَلِي،

Sesungguhnya Jibril akan membentangkan kepada aku al-Quran sekali setiap tahun. Sesungguhnya dia telah membentangkan al-Quran kepada ku tahun ini sebanyak dua kali, dan aku tidak melihat hal itu melainkan ia petanda ajalku sudah sampai. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no: 3623]

Para ulama menerangkan bahawa daripada pembentangan itulah malaikat Jibril menunjukkan susunan ayat al-Quran, dan pada tahun yang terakhir, susunan ayat al-Quran telah dimuktamadkan.

Penyusunan Surah Al-Quran

Tidak seperti susunan ayat yang mana ulama bersepakat ia merupakan tawqifi yang datang daripada wahyu Allah. Susunan surah pula diperselisihkan ulama kepada tiga pendapat iaitu:

1- Susunan surah adalah tauqifi berdasarkan wahyu.

2- Susunan surah adalah ijtihad para sahabat.

3- Susunan sebahagian surah adalah tauqifi, dan sebahagian lagi adalah ijtihad.

Pendapat pertama: Susunan surah adalah tauqifi berdasarkan wahyu.

Pendapat ini menyatakan bahawa susunan surah adalah wahyu daripada Allah yang Jibril tunjukkan kepada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam ketika pertemuan mereka. Oleh kerana itu susunan yang ada sekarang, iaitu yang dilakukan oleh Uthman hanyalah berpandukan apa yang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam susun, dan bukannya ijtihad sahabat.

Pendapat kedua: Susunan surah adalah ijtihad para sahabat.

Ini kerana pada mushaf-mushaf yang dimiliki sahabat mereka mempunyai susunan surah yang berbeza.

Mushaf yang dimiliki Ali disusun mengikut tertib penurunan, iaitu dimulai dengan surah Al-‘Alaq, kemudian Al-Mudassir, kemudian Al-Qalam, kemudian Al-Muzammil, lalu diikuti surah-surah Makki kemudian surah-surah Madani.

Dalam mushaf Ibnu Mas’ud pula, surah yang pertama ialah Al-Baqarah, kemudian An-Nisa’, kemudian Ali ‘Imran.

Dalam mushaf Ubay bin Ka’ab pula yang pertama ialah Al-Fatihah, kemudian Al-Baqarah, kemudian An-Nisa’, kemudian Ali ‘Imran.

Pendapat ketiga: Sebahagian surah adalah tauqifi, sebahagian lagi adalah ijtihad

Ini kerana terdapat sebahagian hadis yang menunjukkan susunan sebahagian surah.

Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam pernah bersabda:

اقْرَءُوا الزَّهْرَاوَيْنِ الْبَقَرَةَ وَسُورَةَ آلِ عِمْرَانَ

Bacalah Al-Zahrawain, iaitu surah al-Baqarah dan surah Ali ‘Imran. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 804].

Ini menunjukkan susunan surah Ali ‘Imran adalah selepas surah Al-Baqarah.

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم كَانَ إِذَا أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ كُلَّ لَيْلَةٍ جَمَعَ كَفَّيْهِ ثُمَّ نَفَثَ فِيهِمَا فَقَرَأَ فِيهِمَا {قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ} وَ{قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ} وَ{قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ} ثُمَّ يَمْسَحُ بِهِمَا مَا اسْتَطَاعَ مِنْ جَسَدِهِ يَبْدَأُ بِهِمَا عَلَى رَأْسِهِ وَوَجْهِهِ وَمَا أَقْبَلَ مِنْ جَسَدِهِ يَفْعَلُ ذَلِكَ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ.

Daripada ‘Aisyah radiallahu ‘anhu, kebiasaannya apabila Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam pergi ke tempat tidurnya pada setiap malam, baginda akan mengumpulkan kedua tapak tangannya, kemudian meniup pada kedua tapak tangan itu lalu membaca surah al-Ikhlas, al-Falaq, dan an-Nas. Kemudian menyapu dengan kedua tapak tangan itu apa yang dapat disapu daripada tubuhnya, bermula dari bahagian kepala, wajah, dan apa yang hadapan pada tubuhnya. Baginda melakukan hal itu tiga kali. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5017].

Ini menunjukkan susunan surah al-Ikhlas, kemudian al-Falaq, dan kemudian an-Nas.

Adapun surah-surah yang tidak terdapat sebarang hadis menyatakan susunannya, maka ia termasuk ijtihad sahabat.

Kesimpulan:

Dalil-dalil pada pendapat ketiga membatalkan pendapat kedua yang menyatakan bahawa kesemua surah disusun atas dasar ijtihad dan bukannya tauqifi.

Akan tetapi pendapat yang ketiga pula juga masih timbul persoalan. Benarkah sebahagian surah disusun atas dasar ijtihad? Ini kerana apabila mushaf Uthman siap disusun, semua mushaf yang lain telah dimusnahkan, dan para sahabat bersepakat tentang hal ini. Seandainya susunan surah

adalah ijtihad, pasti para sahabat seperti Ali yang memiliki mushaf sendiri akan tetap berpegang kepada mushafnya yang mempunyai susunan berbeza berbanding Uthman.

Al-Quran diturunkan dengan 7 Huruf

Terdapat banyak dalil menunjukkan al-Quran diturunkan dengan 7 huruf.

عَنْ أُبَىِّ بْنِ كَعْبٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم كَانَ عِنْدَ أَضَاةِ بَنِي غِفَارٍ – قَالَ – فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلاَمُ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتُكَ الْقُرْآنَ عَلَى حَرْفٍ .

Daripada Ubay bin Ka'ab radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam berada berhampiran dengan perigi Bani Ghifar, baginda bersabda: Jibri; 'alaihissalam telah datang kepada ku lalu berkata: Sesungguhnya Allah menyuruh engkau supaya umat engkau membaca al-Quran dengan satu huruf.

فَقَالَ " أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ وَإِنَّ أُمَّتِي لاَ تُطِيقُ ذَلِكَ " . ثُمَّ أَتَاهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتُكَ الْقُرْآنَ عَلَى حَرْفَيْنِ فَقَالَ " أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ وَإِنَّ أُمَّتِي لاَ تُطِيقُ ذَلِكَ " .

Baginda menjawab: Aku memohon kepada Allah kemaafan dan keampunan. Sesungguhnya umat ku tidak mampu melakukan hal itu. Kemudian Jibril datang buat kali yang kedua, lalu berkata: Allah menyuruh engkau supaya umat mu membaca al-Quran dengan dua huruf. Baginda menjawab: Aku memohon kepada Allah kemaafan dan keampunan. Sesungguhnya umat ku tidak mampu melakukan hal itu.

ثُمَّ جَاءَهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتُكَ الْقُرْآنَ عَلَى ثَلاَثَةِ أَحْرُفٍ . فَقَالَ " أَسْأَلُ اللَّهَ مُعَافَاتَهُ وَمَغْفِرَتَهُ وَإِنَّ أُمَّتِي لاَ تُطِيقُ ذَلِكَ " .

Kemudian Jibril datang buat kali yang ketiga lalu berkata: Sesungguhnya Allah menyuruh engkau agar umat mu membaca al-Quran dengan tiga huruf. Baginda menjawab: Aku memohon keampunan dan kemaafan Allah. Sesungguhnya umat ku tidak mampu melakukan hal itu.

ثُمَّ جَاءَهُ الرَّابِعَةَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أُمَّتُكَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ فَأَيُّمَا حَرْفٍ قَرَءُوا عَلَيْهِ فَقَدْ أَصَابُوا .

Kemudian malaikat Jibril datang buat kali yang keempat lalu berkata: Sesungguhnya Allah menyuruh engkau agar umat mu membaca al-Quran dengan tujuh huruf. Mana-mana sahaja huruf yang mereka baca, maka mereka telah betul. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 821]

Umar al-Khattab radiallahu 'anhu berkata:

سَمِعْتُ هِشَامَ بْنَ حَكِيمٍ، يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ فِي حَيَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَاسْتَمَعْتُ لِقِرَاءَتِهِ، فَإِذَا هُوَ يَقْرَأُ عَلَى حُرُوفٍ كَثِيرَةٍ لَمْ يُقْرِئْنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم، فَكِدْتُ أُسَاوِرُهُ فِي الصَّلاَةِ، فَتَصَبَّرْتُ حَتَّى سَلَّمَ، فَلَبَبْتُهُ بِرِدَائِهِ فَقُلْتُ مَنْ أَقْرَأَكَ هَذِهِ السُّورَةَ الَّتِي سَمِعْتُكَ تَقْرَأُ قَالَ أَقْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقُلْتُ كَذَبْتَ، أَقْرَأَنِيهَا عَلَى غَيْرِ مَا قَرَأْتَ.

Aku mendengar Hisham bin Hakim membaca surah al-Furqan ketika Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam masih hidup. Lalu aku mendengar dengan teliti kepada bacaannya. Tiba-tiba dia membaca dengan ‘pelbagai huruf yang banyak’ yang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam tidak pernah bacakan kepada aku. Hampir-hampir aku memukulnya ketika dia sedang solat akan tetapi aku bersabar sehingga dia memberi salam. Aku lalu menarik kain rida’nya lalu aku berkata: Siapa yang membacakan kepada engkau surah ini yang aku dengar engkau membacanya? Beliau menjawab: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam yang membacakannya kepada ku. Aku berkata: Engkau berdusta. Baginda telah membacakannya kepada aku dengan cara bacaan yang tidak sama dengan yang engkau baca.

فَانْطَلَقْتُ بِهِ أَقُودُهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقُلْتُ إِنِّي سَمِعْتُ هَذَا يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ عَلَى حُرُوفٍ لَمْ تُقْرِئْنِيهَا. فَقَالَ " أَرْسِلْهُ، اقْرَأْ يَا هِشَامُ ". فَقَرَأَ الْقِرَاءَةَ الَّتِي سَمِعْتُهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " كَذَلِكَ أُنْزِلَتْ ". ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " اقْرَأْ يَا عُمَرُ ". فَقَرَأْتُ الَّتِي أَقْرَأَنِي فَقَالَ " كَذَلِكَ أُنْزِلَتْ، إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ ".

Aku pun bergerak sambil membawa dia menghadap Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam lalu aku berkata: Sesungguhnya aku mendengar lelaki ini membaca surah al-Furqan dengan huruf yang tidak engkau bacakannya kepada aku. Baginda berkata: Lepaskanlah dia, bacalah wahai Hisyam. Lalu Hisyam membaca dengan bacaan yang aku dengar tadi. Lalu baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam menyatakan: Begitulah ia diturunkan. Lalu baginda berkata: Bacalah wahai Umar. Aku pun membaca sebagaimana yang baginda pernah bacakan kepada ku. Lalu baginda bersabda: Begitulah ia diturunkan. Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf. Bacalah apa yang mudah daripadanya. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7550]

Apakah maksud tujuh huruf?

Para ulama berbeza pendapat tentang maksud tujuh huruf. Pendapat yang benar ialah tujuh huruf tersebut bermaksud tujuh loghat bahasa daripada Bahasa Arab yang mana kesemuanya akan membawa maksud yang sama.

Ia bermaksud terdapat sebahagian perkataan di dalam al-Quran yang diturunkan dengan tujuh kalimah yang berbeza, akan tetapi semua kalimah itu membawa maksud yang sama. Ini kerana setiap bangsa Arab mempunyai loghat masing-masing, jadi dengan turunnya al-Quran dengan tujuh loghat bahasa, maka ia memudahkan mereka membacanya.

Sebagai contoh dalam surah Al-Muzammil ayat 6, Imam At-Tabari membawakan sebuah riwayat:

عن الأعمش، قال: قرأ أنس هذه الآية(إِنَّ ناشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وأَصْوَبُ قِيلا)، فقال له بعض القوم: يا أبا حمزة إنما هي(وَأَقْوَمُ قِيلا) قال: أقوم وأصوب وأهيأ واحد.

Daripada Al-A'masy beliau berkata: Anas membaca ayat ini (al-Muzzamil ayat 6 dengan menyebut perkataan

(وأَصْوَبُ قِيلا). Lalu sebahagian orang berkata: Wahai Abu Hamzah, sesungguhnya ia adalah (وَأَقْوَمُ قِيلا). Lalu Anas menjawab: Sama ada أقوم atau أصوب atau وأهيأ ia sama sahaja. [Jami' al-Bayan, jilid 23, m/s 685]

Penurunan al-Quran dengan tujuh huruf atau tujuh loghat bahasa ini mempunyai hikmah yang besar. Ia memudahkan umat Islam di zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam yang mempunyai pelbagai loghat untuk membacanya.

Akan tetapi, pada zaman kini, mushaf yang kita gunakan adalah dalam loghat Quraisy kerana pada zaman Uthman, kepelbagaian loghat ini telah menyebabkan bencana perpecahan dan kafir mengkafir sesama Muslim, dan mengelirukan anak-anak kaum Muslimin yang mempelajari al-Quran.

Adab-Adab Dengan Al-Quran

1- Istiqamah membaca al-Quran.

Abu Umamah al-Bahili radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لأَصْحَابِهِ

Bacalah al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pembela untuk pembacanya. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 804].

Daripada 'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لاَ أَقُولُ الم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka dia akan mendapat satu pahala dan sepuluh kali ganda pahala tersebut. Aku tidak menyatakan Alif Lam Mim satu huruf. Akan tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf, dan Mim satu huruf. [Jami' at-Tirmizi, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 2910, hasan sahih gharib]

Hendaklah tetap membaca al-Quran walau masih belum lancar.

Daripada 'Aisyah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَرَةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Orang yang mahir membaca al-Quran, dia akan bersama dengan malaikat yang mulia. Manakala orang yang membaca al-Quran dalam keadaan tersangkut-sangkut, dan dia mengalami kesukaran untuk membacanya, dia akan mendapat dua pahala. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 798]

2- Mengajar dan belajar tentang al-Quran.

Daripada Uthman radiallahu ‘anhu, nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Sebaik-baik kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5027].

3- Hendaklah mengamalkan apa yang dibaca.

Daripada Abu Musa al-Asyaari radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالأُتْرُجَّةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَرِيحُهَا طَيِّبٌ وَالَّذِي لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَالتَّمْرَةِ طَعْمُهَا طَيِّبٌ وَلاَ رِيحَ لَهَا، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الرَّيْحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ، وَمَثَلُ الْفَاجِرِ الَّذِي لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ طَعْمُهَا مُرٌّ وَلاَ رِيحَ لَهَا ".

Orang yang membaca al-Quran itu umpama buah utrujah, rasanya sedap dan baunya wangi. Orang yang tidak membaca al-Quran pula umpama buah kurma yang sedap rasanya tetapi tiada bau padanya. Orang jahat yang membaca al-Quran umpama buah raihanah, baunya wangi tetapi rasanya pahit. Orang jahat yang tidak membaca al-Quran umpama buah hanzalah. Rasanya pahit dan ia tiada bau. [Sahih al-Bukhari,Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5020]

4- Berusaha menghafaz al-Quran dan menjaga hafazan itu.

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ اقْرَأْ وَارْتَقِ وَرَتِّلْ كَمَا كُنْتَ تُرَتِّلُ فِي الدُّنْيَا فَإِنَّ مَنْزِلَتَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرَأُ بِهَا "

(Pada hari kiamat) akan dikatakan kepada penghafaz al-Quran. Bacalah, dan naiklah. Bacalah sebagaimana engkau telah membaca di dunia. Sesungguhnya kedudukan engkau ialah pada akhir ayat yang engkau baca. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 2914, hasan sahih]

Daripada Abu Musa radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

تَعَاهَدُوا الْقُرْآنَ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُوَ أَشَدُّ تَفَصِّيًا مِنَ الإِبِلِ فِي عُقُلِهَا

Jagalah al-Quran. Demi Tuhan yang diri ku di tangan Nya. Sesungguhnya al-Quran itu lebih laju larinya daripada unta yang terlepas dari talinya. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5033].

5- Mengelokkan suara ketika membacanya.

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

مَا أَذِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَا أَذِنَ لِنَبِيٍّ حَسَنِ الصَّوْتِ بِالْقُرْآنِ يَجْهَرُ بِهِ

Tidaklah Allah mendengar sesuatu sebagaiman Dia mendengar kepada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam apabila baginda membaguskan suara ketika membaca al-Quran [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7544]

Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam berkata kepada Abu Musa radiallahu ‘anhu:

يَا أَبَا مُوسَى لَقَدْ أُوتِيتَ مِزْمَارًا مِنْ مَزَامِيرِ آلِ دَاوُدَ

Wahai Abu Musa. Sesungguhnya engkau telah dikurniakan seruling daripada seruling-seruling keluarga Daud. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5048]

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَغَنَّ بِالْقُرْآنِ

Bukanlah daripada kami sesiapa yang tidak mengelokkan suara ketika membaca al-Quran. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7527]

6- Menghayati maksud ayat al-Quran.

Firman Allah:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ (29)

Kitab yang Kami turunkannya kepada kalian dengan penuh keberkatan supaya manusia menghayati ayat-ayatnya dan supaya golongan yang berfikir dapat mengambil pengajaran. [Sad : 29]

Huzaifah radiallahu ‘anhu berkata:

صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم ذَاتَ لَيْلَةٍ فَافْتَتَحَ الْبَقَرَةَ فَقُلْتُ يَرْكَعُ عِنْدَ الْمِائَةِ . ثُمَّ مَضَى فَقُلْتُ يُصَلِّي بِهَا فِي رَكْعَةٍ فَمَضَى فَقُلْتُ يَرْكَعُ بِهَا . ثُمَّ افْتَتَحَ النِّسَاءَ فَقَرَأَهَا ثُمَّ افْتَتَحَ آلَ عِمْرَانَ فَقَرَأَهَا يَقْرَأُ مُتَرَسِّلاً إِذَا مَرَّ بِآيَةٍ فِيهَا تَسْبِيحٌ سَبَّحَ وَإِذَا مَرَّ بِسُؤَالٍ سَأَلَ وَإِذَا مَرَّ بِتَعَوُّذٍ تَعَوَّذَ

Aku mendirikan solat bersama Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam pada satu malam. Baginda memulakan solatnya dengan membaca surah al-Baqarah, aku berkata (dalam hati ku): Baginda akan sujud selepas ayat 100. Kemudian baginda meneruskan bacaannya. Aku berkata: Baginda akan menghabiskan surah ini dalam satu rakaat. Baginda meneruskan bacaan, aku berkata: Boleh jadi baginda akan ruku'. Kemudian baginda mula membaca surah an-Nisa', kemudian baginda membaca surah Ali 'Imran. Baginda membacanya dengan baik. Apabila baginda melalui ayat yang mengandungi tasbih, baginda akan bertasbih. Apabila baginda melalui ayat yang mengandungi permohonan, baginda akan memohon, apabila melalui ayat mengandungi meminta perlindungan, baginda akan meminta perlindungan (Allah). [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 772].

Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam kadangkala mengulangi ayat yang dibaca kerana menghayati maksudnya.

Abu Dzar radiallahu 'anhu berkata:

قَامَ النَّبِيُّ. صلى الله عليه وسلم. بِآيَةٍ حَتَّى أَصْبَحَ يُرَدِّدُهَا وَالآيَةُ {إِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ وَإِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ} .

Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam bangun mendirikan solat sehingga pagi, baginda mengulangi membaca ayat: Seandainya Engkau mengazab mereka, sesungguhnya mereka hamba Mu. Jika Engkau mengampuni mereka, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa dan Bijaksana. [Sunan an-Nasaie, Kitab Iqamah as-Solat, hadis no: 1350].

7- Menggosok gigi sebelum membaca al-Quran.

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ أَمَرَ بِالسِّوَاكِ ، وَقَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا تَسَوَّكَ ، ثُمَّ قَامَ يُصَلِّي قَامَ الْمَلَكُ خَلْفَهُ ، فَتَسَمَّعَ لِقِرَاءَتِهِ فَيَدْنُو مِنْهُ " أَوْ كَلِمَةً نَحْوَهَا " حَتَّى يَضَعَ فَاهُ عَلَى فِيهِ فَمَا يَخْرُجُ مِنْ فِيهِ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ ، إِلا صَارَ فِي جَوْفِ الْمَلَكِ ، فَطَهِّرُوا أَفْوَاهَكُمْ لِلْقُرْآنِ"

Kami disuruh untuk menggosok gigi. Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Sesungguhnya apabila seorang insan menggosok gigi, kemudian dia bangun mendirikan solat , maka seorang malaikat berdiri di belakangnya dan mendengar bacaannya. Kemudian malaikat itu mendekatinya (kata perawi: atau menyatakan kalimat yang serupa) lalu meletakkan mulutnya di atas mulut orang tersebut sehingga tiada ayat-ayat al-Quran yang keluar dari mulutnya kecuali akan masuk ke dalam perut-perut malaikat. Oleh yang demikian, sucikanlah mulut kamu bila hendak membaca al-Quran. [Musnad al-Bazzar, Musnad Ali bin Abi Thalib, hadis no : 603. Shaikh Al-Albani menyatakan ia hadis hasan, lihat Sahih at-Targhib wa at-tarhib:215]

8- Membaca dalam keadaan suci daripada hadas kecil. Jika membacanya tanpa wudhu, maka ia tetap dibolehkan menurut ijma' ulama.

9- Boleh dibaca sambil berdiri, duduk atau pun berbaring.

'Aisyah radiallahu 'anhu berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَتَّكِئُ فِي حِجْرِي وَأَنَا حَائِضٌ فَيَقْرَأُ الْقُرْآنَ

Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam pernah berbaring di atas riba ku ketika aku dalam keadaan haidh, lalu baginda membaca al-Quran. [Sahih Muslim, Kitab al-Haidhi, hadis no: 301].

10- Membaca ta'awuz (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) sebelum membaca al-Quran.

Firman Allah:

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Apabila kalian membaca al-Quran, mohonlah perlindungan dengan Allah daripada syaitan yang direjam. [An-Nahl : 98].

Membaca ta'awuz ini disunatkan menurut majoriti ulama. Ia sunat dibaca di dalam solat pada setiap rakaat dan di luar solat.

11- Hendaklah membaca basmalah apabila membaca daripada awal surah kecuali surah at-Taubah.

Bagaimana al-Quran ditafsirkan

Perkataan tafsir berasal daripada perkataan الفَسر yang bermaksud menjelaskan, menyingkap, dan menzahirkan makna.

Dalam ayat al-Quran, Allah pernah menggunakan perkataan ini. Firman Allah:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا (33)

Tidaklah mereka datang kepada mu dengan sesuatu yang ganjil melainkan Kami datangkan kepada mu kebenaran dan sebaik-baik penafsiran [Al-Furqan : 33]. Ibn 'Abbas berkata tentang ((وَأَحْسَنَ تَفْسِيراً)) bermaksud penjelasan/perincian (أي تفصيلًا).

Imam al-Zarkasyi berkata:

علم يُفهم به كتاب الله المنزل على نبيه محمد, صلى الله عليه وسلم: وبيان معانيه، واستخراج أحكامه وحكمه

Suatu ilmu yang mana dengan ilmu ini; kitab Allah yang diturunkan kepada nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam dapat difahami. Penjelasan kepada maksud-maksudnya dan mengeluarkan hukum-hakam dan hikmahnya.

Oleh kerana itu, dapat disimpulkan bahawa ilmu tafsir merupakan ilmu yang digunakan untuk kita memahami isi kandungan al-Quran.

Apakah beza tafsir dan takwil?

Perkataan lain yang membawa maksud yang sama dengan tafsir adalah takwil (التأويل). Pada zaman awal Islam, perkataan takwil digunakan dengan maksud tafsir. Oleh kerana itu, penyusun kitab tafsir yang ulung iaitu Al-Imam At-Thabari menamakan kitabnya Jami’ al-Bayan Fi Ta’wil al-Quran (جامع البيان في تأويل القرآن). Ini jugalah yang difahami daripada maksud doa nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam kepada ‘Abdullah bin ‘Abbas radiallahu ‘anhuma:

اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ ، وَعَلِّمْهُ التَّأْوِيلَ

Ya Allah, berikan kefahaman kepadanya tentang agama, dan ajarkan kepadanya takwil. [Musnad Ahmad, Musnad ‘Abdullah bin ‘Abbas, hadis no: 2397, Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya kuat]

Adapun istilah takwil yang digunakan oleh ulama-ulama terkemudian bermaksud: Memalingkan makna lafaz yang kuat (الراجح) kepada makna yang lemah (المرجوح) kerana terdapat dalil yang menunjukkan ia bermaksud makna yang lemah tersebut. Maksud takwil ini tidak sama sebagaimana yang difahami oleh ulama salaf.

Syarat-syarat dan adab-adab menafsirkan al-Quran:

1- Akidah yang benar. Ini kerana akidah orang yang menafsirkan al-Quran akan mempengaruhi cara seseorang menerangkan maksud isi kandungan al-Quran.

2- Bersih daripada hawa nafsu. Ini kerana orang yang menafsirkan dengan hawa nafsu akan menafsirkan al-Quran untuk membela pemikirannya atau maksud yang dikehendakinya.

3- Menafsirkan al-Quran dengan al-Quran. Ini kerana setiap ayat al-Quran saling menjelaskan antara satu sama lain.

4- Menafsirkan al-Quran dengan as-Sunnah. Ini kerana nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam diutuskan sebagai pemberi penerangan kepada isi kandungan al-Quran. Firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (44)

Kami telah turunkan kepada kami al-Dzikr supaya kamu menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka. Semoga mereka berfikir [An-Nahl : 44].

5- Menafsirkan al-Quran dengan penafsiran sahabat. Ini kerana mereka lebih memahami al-Quran berbanding manusia lain kerana mereka hidup ketika wahyu diturunkan.

6- Menafsirkan al-Quran dengan penafsiran generasi tabi’in kerana mereka mempelajari tafsir al-Quran daripada para sahabat.

7- Mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dalam disiplin ilmu Bahasa Arab.

8- Mempunyai ilmu yang berkaitan dengan penafsiran al-Quran seperti qiraat, asbab an-nuzul, nasikh dan mansukh dan sebagainya.

9- Mempunyai ketelitian dalam menafsirkan al-Quran.

Perkembangan ilmu tafsir

Tafsir di zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat.

Tafsir di zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat berlangsung dalam bentuk periwayatan. Ia tidak direkodkan dalam bentuk penulisan yang tersusun. Daripada tafsir-tafsir inilah akhirnya di kemudian hari ia direkodkan di dalam kitab-kitab hadis dan kitab-kitab tafsir.

Pada zaman ini, para sahabat mengambil tafsir al-Quran daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat yang lain.

Pendetilan tentang bagaimana Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam menafsirkan al-Quran akan dapat dilihat dalam topik Tafsir Bil Ma'thur.

Tafsir di zaman Tabi'in

Sebagaimana pada zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat, generasi awal tabi'in masih lagi belum merekodkan tafsir secara sistematik. Mereka masih mengguna pakai konsep periwayatan daripada generasi sahabat. Pendetilan tentang method tafsir generasi tabi'in akan dibincangkan dalam topik tafsir bil ma'thur.

Pembukuan Kitab-Kitab Tafsir

Sebahagian daripada kitab hadis.

Pada hujung pemerintahan Bani Umayyah dan awal Bani Abbasiyyah, proses pembukuan lebih memfokuskan kepada pembukuan kitab-kitab hadis. Ketika itu, tafsir al-Quran merupakan salah satu daripada tajuk yang akan wujud di dalam kitab-kitab hadis.

Munculnya kitab tafsir yang berasingan daripada kitab hadis

Kemudian muncullah generasi berikutnya yang menulis kitab tafsir secara khusus dan menjadikannya sebuah kitab yang terpisah daripada kitab hadis. Antara tokoh-tokoh yang sangat mengambil berat dalam meriwayatkan tafsir daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam, para sahabat dan tabi'in adalah seperti Yazid bin Harun As-Sulami (w 117 h), Syu'bah bin Al-Hajjaj (w 160 h), Waki' bin Jarrah (w 197 h), Sufyan bin 'Uyainah (w 198 h), Rauh bin Ubadah al-Basri (w 205 h), Abdurrazzaq bin Hammam (w 211 h), Adam bin Abu Iyas (w 220 h), dan lain-lain. Akan tetapi tafsir-tafsir ini tidak lengkap untuk keseluruhan al-Quran.

Kemudian muncul para ulama yang menulis tafsir dengan lengkap untuk keseluruhan al-Quran. Setiap ayat al-Quran ditafsirkan secara sistematik mengikut tertib ayat dan surah dalam al-Quran. Tokoh-tokoh generasi ini adalah seperti Ibnu Majah (w 273 h), Ibn Jarir at-Thabari (w 310 h), Abu Bakar bin Al-Munzir Al-Naisaburi (w 318 h), Ibn Abi Hatim (w 327 h), Abu al-Shaikh bin Hibban (w 369 h), Al-Hakim (w 405 h), dan Abu Bakar bin Mardawaih (w 410 h).

Generasi ini meriwayatkan daripada Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam, para sahabat, tabi'in, dan atba' at-tabi'in riwayat-riwayat yang menjelaskan maksud-maksud ayat al-Quran. Selain daripada meriwayatkan penafsiran generasi terdahulu, ulama-ulama ini turut melakukan analisis ke atas riwayat-riwayat yang mereka nukilkan, lalu mereka akan menyatakan penafsiran manakah yang lebih tepat.

Perkembangan penulisan tafsir

Kemudian muncul generasi yang seterusnya. Mereka menukilkan riwayat-riwayat sebagaimana tafsir bil ma'thur yang dilakukan oleh generasi sebelumnya. Akan tetapi sebahagian mereka memotong sanad-sanad riwayat sehingga tidak dapat diketahui adakah riwayat itu sahih atau tidak sehingga ia menimbulkan kekeliruan. Sanad-sanad ini dibuang untuk memudahkan orang yang membacanya akan tetapi ia menimbulkan bencana yang lain kerana fakta-faktanya semakin sukar untuk disaring. Pada zaman inilah penyebaran kisah Israiliyyat dalam kitab tafsir semakin berleluasa.

Penulisan tafsir semakin berkembang. Tafsir tidak lagi seperti zaman awalnya yang mana ia banyak bergantung kepada riwayat penafsiran generasi awal. Sebaliknya muncul pelbagai variasi tafsir berdasarkan kecenderungan penyusun tafsir tersebut. Perkembangan ilmu falsafah, kalam, perbezaan mazhab mula menyusup di dalam buku-buku tafsir.

Begitu juga sebahagian ulama memfokuskan kepada menyusun tafsir daripada sudut kesenian bahasa al-Quran sahaja, ada yang hanya memfokuskan kepada aspek sirah sahaja.

Pada zaman ini, kitab tafsir bercampur-campur antara maklumat yang benar dan salah. Setiap golongan menafsirkan al-Quran untuk memenangkan pegangan masing-masing. Pada saat ini, ilmu tafsir seolah-olah telah hilang fungsi asalnya iaitu untuk menerangkan maksud ayat-ayat Al-Quran.

Jenis-jenis tafsir

Secara umumnya, tafsir boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

1- Tafsir bil ma'thur

2- Tafsir bil ra'yi

Tafsir bil ma'thur

Ia merupakan penulisan tafsir yang mengikuti method berikut:

1- Menafsirkan al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain.

2- Menafsirkan al-Quran dengan sunnah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam.

3- Menafsirkan al-Quran dengan perkataan para sahabat.

4- Menafsirkan al-Quran dengan perkataan para tabi'in.

Tafsir al-Quran dengan al-Quran

Tafsir al-Quran dengan al-Quran boleh datang dalam pelbagai bentuk. Antara ayat al-Quran yang umum atau ringkas (mujmal) akan diterangkan oleh ayat al-Quran lain yang lebih terperinci.

Begitu juga ayat yang mutlak akan diikat (muqayyad) dengan ayat yang lain. Ayat al-Quran yang khusus pula akan mengkhususkan ayat lain yang am.

Tafsir al-Quran dengan as-Sunnah

Sebahagian daripada ayat-ayat al-Quran ada yang telah dijelaskan maksudnya oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Jika kita melihat praktis Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam, baginda akan melakukan cara berikut:

1- Baginda sendiri akan menafsirkan al-Quran dengan merujuk kepada ayat yang lain.
2- Adakalanya ia dihuraikan dengan perkataan baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam sendiri kepada sahabat apabila timbul kemusykilan dalam diri sahabat berkaitan maksud ayat.
3- Adakalanya baginda masuk campur menghuraikan maksud ayat apabila melihat para sahabat berselisih pendapat tentang maksud sesuatu ayat.
4- Adakalanya sesuatu ayat itu diterangkan dengan melihat perlakuan atau tindakan baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Oleh kerana itu, penafsiran kepada maksud sesuatu perkataan di dalam al-Quran perlu merujuk kepada konteks ia digunakan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Tidak boleh menggunakan maksud ayat daripada sudut bahasa semata-mata sehingga mengenepikan maksud yang difahami oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Berikut merupakan contoh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam menafsirkan al-Quran untuk para sahabat. Firman Allah:

﴿الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ﴾

“Orang-orang yang beriman dan tidak menodai keimanan mereka dengan kezaliman, mereka itulah orang-orang yang mendapat ketenteraman dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.” [Al-An’am: 82]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ . رضى الله عنه . قَالَ لَمَّا نَزَلَتِ {الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ} قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّنَا لاَ يَظْلِمُ نَفْسَهُ قَالَ " لَيْسَ كَمَا تَقُولُونَ { لَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ} بِشِرْكٍ، أَوَلَمْ تَسْمَعُوا إِلَى قَوْلِ لُقْمَانَ لاِبْنِهِ {يَا بُنَيَّ لاَ تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ }".

Daripada ‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Ketika turunnya ayat ((Orang-orang yang beriman dan tidak menodai keimanan mereka dengan kezaliman)), kami berkata: Ya Rasulullah. Siapakah di antara kami yang tidak pernah menzalimi dirinya sendiri? Baginda menjawab: Hal ini bukanlah sebagaimana yang kalian katakan. ((Tidak menodai keimanan mereka dengan kezaliman)) itu bermaksud syirik. Tidakkah kalian pernah mendengar kata-kata Luqman kepada anaknya ((Wahai anak ku, janganlah engkau mensyirikkan Allah. Sesungguhnya syirik kezaliman yang besar)). [Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya’, hadis no: 3360]

Begitu juga dengan contoh berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم مَا الْكَوْثَرُ قَالَ " ذَاكَ نَهْرٌ أَعْطَانِيهِ اللَّهُ يَعْنِي فِي الْجَنَّةِ أَشَدُّ بَيَاضًا مِنَ اللَّبَنِ وَأَحْلَى مِنَ الْعَسَلِ فِيهَا طَيْرٌ أَعْنَاقُهَا كَأَعْنَاقِ الْجُزُرِ " .

Daripada Anas bin Malik radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam ditanya tentang Al-Kauthar. Baginda menjawab: Ia adalah sungai yang Allah kurniakan kepada ku di syurga. Ia lebih putih daripada susu, lebih manis daripada madu. Padanya terdapat burung yang lehernya seperti leher unta.

[Jami' at-Tirmizi, Kitab Sifat al-Jannah, hadis no: 2542, hasan]

Sebahagian besar ayat al-Quran perlu diterangkan maksudnya oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam agar ia dapat difahami oleh para sahabat. Ayat-ayat sebegini banyak menerangkan tentang hukum-hakam seperti perincian hukum-hakam. Hukum-hakam ini akan diperincikan oleh sunnah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam.

عَنِ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِيكَرِبَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَنَّهُ قَالَ " أَلاَ إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ

Daripada Al-Miqdam bin Ma'dikarib, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Ketahuilah, sesungguhnya aku diberikan kitab dan yang sepertinya bersamanya. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Sunnah, hadis no: 4604]

Oleh kerana itu, kita akan mendapati di dalam kitab-kitab hadis, para ulama hadis akan meletakkan satu kitab tafsir. Maka hadis-hadis yang menafsirkan ayat-ayat al-Quran boleh ditemui di situ.

Tafsir al-Quran dengan pendapat sahabat

Apabila para sahabat menafsirkan al-Quran, mereka akan melakukan perkara berikut:

1- Mereka akan menafsirkan al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain.

2- Kemudian para sahabat akan mencari sunnah-sunnah atau hadis-hadis nabi sallallahu 'alaihi wa sallam yang menjelaskan maksud ayat tersebut.

3- Kemudian mereka akan merujuk kepada kaedah-kaedah Bahasa Arab.

4- Kemudian mereka akan merujuk kepada ijtihad mereka sendiri dan ijtihad sahabat-sahabat yang lain.

Antara sahabat yang masyhur sebagai penafsir al-Quran ialah: Khalifah yang empat, 'Abdullah bin Mas'ud, 'Abdullah bin 'Abbas, Ubay bin Ka'ab, Zaid bin Tsabit, Abu Musa al-Asyaari, 'Abdullah bin az-Zubai, Anas bin Malik dan lain-lain. Riwayat-riwayat daripada mereka semua yang menerangkan maksud sesuatu ayat boleh ditemui dalam kitab-kitab tafsir.

Majoriti ulama berpendapat bahawa apabila para sahabat menerangkan tentang Asbab an-Nuzul mengenai sesuatu ayat, maka ia membawa hukum marfu'. Ini kerana Asbab an-Nuzul dan perkara-perkara yang bukan dalam cakupan ilmu manusia bukanlah sesuatu yang berada di bawah

lingkungan ijtihad. Asbab An-Nuzul hanya diketahui apabila diberitahu oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam atau apabila sahabat sendiri menyaksikan saat wahyu itu turun kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. Akan tetapi jika ia berkaitan ayat yang terbuka kepada perbahasan dan ijtihad, maka pendapat sahabat itu dikira mauquf.

Sebahagian ulama mewajibkan untuk kita berpegang dengan penafsiran mauquf daripada sahabat. Ini kerana sahabat lebih memahami maksud al-Quran berbanding manusia selepasnya. Mereka hidup ketika al-Quran diturunkan, mereka melihat peristiwa dan sebab yang berlaku tatkala ayat itu diturunkan, dan mereka menyaksikan bagaimana maksud ayat itu diimplementasikan dalam kehidupan.

Al-Imam Ibnu Kathir dalam mukadimah tafsirnya menyatakan:

وحينئذ إذا لم نجد التفسير في القرآن ولا في السُّنَّة رجعنا في ذلك إلى أقوال الصحابة، فإنهم أدرى بذلك لما شاهدوه من القرائن والأحوال التي اختُصوا بها، ولما لهم من الفهم التام والعلم الصحيح والعمل الصالح ولا سيما علماؤهم وكبراؤهم كالأئمة الأربعة، والخلفاء الراشدين، والأئمة المهتدين المهديين، وعبد الله بن مسعود, رضي الله عنهم

Oleh yang demikian, apabila kita tidak menemui penafsiran sesuatu ayat daripada al-Quran, dan tiada juga ditemui di dalam As-Sunnah. Maka kita akan melihat kepada penafsiran para sahabat. Mereka lebih memahami tentang maksud ayat tersebut kerana mereka menyaksikan konteks dan situasi ayat yang tersebut yang mana hanya mereka yang menyaksikannya. Ini mereka mempunyai kefahaman yang sempurna, ilmu yang sahih, amal yang soleh terutamanya ulama-ulama mereka seperti 4 orang khalifah, para imam yang mendapat petunjuk, dan 'Abdullah bin Mas'ud.

Tafsir al-Quran dengan pendapat tabi'in

Ramai tabi'in yang mempelajari tafsir daripada sahabat-sahabat nabi radiallahu 'anhum ajma'in. Apabila generasi tabi'in menafsirkan al-Quran mereka akan mengikut tertib berikut:

1- Menafsirkan al-Quran dengan al-Quran.

2- Menafsirkan al-Quran dengan as-Sunnah.

3- Menafsirkan al-Quran dengan pendapat sahabat.

4- Melakukan ijtihad berdasarkan Bahasa Arab dan kaedah-kaedah syara'.

Apabila generasi tabi'in tidak menjumpai penafsiran sahabat berkaitan sesuatu ayat, maka mereka akan berijtihad untuk menafsirkan ayat tersebut. Seandainya kita membuka kitab-kitab tafsir, kita akan menemui bahawa terdapat banyak ayat al-Quran yang tidak ditafsirkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat radiallahu 'anhum sehingga dalam hal ini kita perlu melihat bagaimana generasi tabi'in memahami ayat tersebut.

Daripada generasi sahabat, kita akan lihat munculnya ramai tokoh-tokoh tafsir daripada tabi'in.

Di Mekah, di bawah bimbingan ‘Abdullah bin ‘Abbas. Antara tokoh-tokoh yang dilahirkan ialah Sa’id bin Jubair, Mujahid, ‘Ikrimah maula Ibn ‘Abbas, Tawus bin Kaisan al-Yamani, dan ‘Atho’ bin Abi Rabah.

Di Madinah, di bawah bimbingan Ubay bin Ka’ab. Antara tokoh-tokoh yang dilahirkan ialah Zaid bin Aslam, Abu ‘Aliyah, dan Muhammad bin Ka’ab al-Qurazi.

Di Iraq, di bawah bimbingan ‘Abdullah bin Mas’ud. Lahir tokoh-tokoh seperti ‘Alqamah bin Qais, Masruq, Al-Aswad bin Yazid, Murrah al-Hamazani, ‘Amir bin Sya’bi, Hasan al-Basri, dan Qatadah bin Di’amah.

Ulama berbeza pendapat tentang status penafsiran tabi’in. Adakah ia wajib dipegang atau tidak wajib dipegang kerana ia hanyalah ijtihad para tabi’in sahaja. Yang menyatakan tidak wajib dipegang berhujah kerana para tabi’in hanya berijtihad sedangkan mereka tidak hidup dan melihat konteks dan situasi ketika wahyu diturunkan. Ini berbeza dengan para sahabat yang menyaksikan hal tersebut. Sebahagian ulama pula mewajibkan berpegang dengan penafsiran generasi tabi’in kerana mereka mempelajari tafsir daripada para sahabat. Akan tetapi jika para tabi’in bersepakat dalam menyatakan tentang tafsir sesuatu ayat, maka kesepakatan itu merupakan hujah dan wajib diikuti.

Pada zaman awal-awal ini, penafsiran masih lagi berdasarkan periwayatan. Akan tetapi setelah ramai Ahli Kitab yang memeluk Islam, maka para tabi’in mula menukilkan kisah-kisah Israiliyyat ke dalam kitab tafsir. Ini seperti yang dilakukan oleh ‘Abdullah bin Salam, Ka’ab Al-Ahbar, Wahab bin Munabbih, dan Abdul Malik bin Abdul Aziz bin Juraij.

Perbezaan pendapat dalam tafsir bil ma’thur

Jika kita membaca tafsir-tafsir bil ma’thur yang ada, kita akan mendapati riwayat-riwayat daripada para sahabat dan tabi’in yang menafsirkan sesuatu ayat itu berbeza-beza antara satu sama lain. Akan tetapi Ibnu Taimiyyah di dalam Muqadimah Usul Tafsir menyatakan bahawa perbezaan penafsiran al-Quran dalam kalangan generasi salaf adalah sedikit berbanding perbezaan pendapat generasi selepasnya.

Kebanyakan perbezaan penafsiran ayat adalah perbezaan pada lafaz atau contoh yang diberikan, sedangkan maksudnya akan menjurus kepada perkara yang sama. Sebagai contoh, apakah maksud (الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ) dalam surah Al-Fatihah?

Ada yang menyatakan maksudnya adalah al-Quran, as-Sunnah, Islam, dan lain-lain. Kesemua ini merupakan contoh-contoh lafaz yang berbeza akan tetapi ia tidak saling bertentangan antara satu sama lain.

Kerosakan dalam tafsir bil ma’thur

Antara punca yang merosakkan tafsir bil ma’thur ialah apabila penyusun kitab tafsir di atas method ini mula membung sanad-sanad riwayat daripada sahabat, tabi’in sehinggakan kesahihan sesuatu riwayat tidak dapat dipastikan. Zaman ketaksuban mazhab, perpecahan dalam aliran aqidah mendorong sikap fanatik sehingga ada yang mereka-reka riwayat palsu lalu diletakkan di dalam kitab tafsir. Yang lebih parah lagi apabila kisah-kisah Israiliyyat semakin berkembang di dalam kitab-kitab tafsir. Ini semua merosakkan kredibliti method tafsir bil ma’thur sebagai method tafsir yang terbaik.

Israiliyyat dalam tafsir

Islam mempunyai kaitan yang rapat dengan agama samawi seperti Yahudi dan Kristian. Sebahagian daripada isi kandungan Injil dan Taurat turut disebutkan di dalam Al-Quran.

Antara ciri yang jelas membezakan al-Quran dengan kitab-kitab yang lain ialah al-Quran tidak membicarakan sesuatu kisah dengan terlalu terperinci dan panjang lebar. Allah hanya mewahyukan perkara yang penting sahaja daripada kisah-kisah di dalam al-Quran. Oleh kerana itu banyak pendetilan kepada kisah-kisah dalam al-Quran seperti nama orang, lokasi, dan sebagainya tidak disebutkan di dalam al-Quran. Akan tetapi sebahagian daripada kisah-kisah ini pendetilannya dapat dilihat daripada Injil dan Taurat.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam telah memberikan garis panduan bagaimana kita mahu berinteraksi dengan kisah-kisah Israiliyyat.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً، وَحَدِّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلاَ حَرَجَ، وَمَنْ كَذَبَ عَلَىَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ ".

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amru, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Sampaikan daripada ku satu ayat. Ceritakanlah daripada Bani Israel, dan tidak salah melakukannya. Sesiapa yang berdusta ke atas ku dengan sengaja, ambillah tempatnya di neraka. [Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadis al-Anbiya’, hadis no: 3461]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ كَانَ أَهْلُ الْكِتَابِ يَقْرَءُونَ التَّوْرَاةَ بِالْعِبْرَانِيَّةِ وَيُفَسِّرُونَهَا بِالْعَرَبِيَّةِ لأَهْلِ الإِسْلاَمِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ، وَلاَ تُكَذِّبُوهُمْ وَقُولُوا {آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْكُمْ} ". الآيَةَ.

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Ahlul Kitab membaca kitab Taurat dalam Bahasa Ibrani dan mereka menerangkannya dalam Bahasa Arab kepada umat Islam. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Jangan mempercayai Ahlul Kitab, dan jangan mendustai mereka sebaliknya sebutlah: Kami beriman dengan Allah dan apa yang diturunkan kepada kami dan apa yang diturunkan kepada kalian. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tafsir, hadis no: 7362]

Ini menunjukkan kisah-kisah daripada Bani Israel telah mula tersebar di zaman sahabat. Kisah-kisah daripada Bani Israel lebih banyak tersebar berbanding kisah-kisah daripada Nasrani kerana orang Yahudi ketika itu lebih banyak bercampur dengan umat Islam berbanding umat Nasrani.

Walaupun begitu, di zaman sahabat penyebaran kisah-kisah Israliyyat teramatlah sedikit. Akan tetapi di masa tabi’in, penyebaran kisah-kisah Israiliyyat semakin meluas kerana semakin ramai Ahli Kitab yang memeluk Islam, jadi para tabi’in mengambil kisah-kisah mereka. Ini menyebabkan kisah-kisah Israiliyyat menyusup masuk ke dalam tafsir-tafsir al-Quran.

Cerita Israiliyyat ini sebahagian besarnya diriwayatkan oleh 4 orang iaitu: Abdullah bin Salam, Ka’ab al-Ahbar, Wahb bin Munabbih dan Abdul Malik bin Abdul Aziz bin Juraij. Ulama

membahaskan riwayat Israiliyyat yang mereka bawa, ada yang menolak, da nada yang menerima. Yang paling dipercayai ialah yang dibawa oleh Abdullah bin Salam, disebabkan itu ulama hadis seperti Imam Al-Bukhari mempercayainya. Adapun Ka'ab Al-Ahbar dan Wahb bin Munabbih mereka dikritik hebat oleh para ulama.

Kemasukan kisah-kisah Israiliyyat ke dalam kitab tafsir semakin meluas selepas era tabi'in. Lebih malang lagi, sebahagian mufassir tidak menapis manakah kisah Israiliyyat yang sahih dan mana pula yang palsu, sehinggakan kitab-kitab tafsir dipenuhi dengan kisah-kisah yang tidak berguna.

Walaupun para sahabat ada yang pergi mendengar cerita-cerita daripada Ahli Kitab, mereka hanya mendengarnya pada pendetilan kisah-kisah kaum terdahulu atau kisah-kisah nabi. Mereka tidak menjadikannya sebagai satu sumber hukum apatah lagi dalam bab akidah. Bahkan para sahabat tidak menjadikan kisah yang mereka dengar daripada Ahlul Kitab sebagai penjelasan atau tafsir kepada ayat al-Quran.

Disebabkan hal ini, tokoh-tokoh tafsir seperti Dr. Solah Abdul Fattah al-Khalidi, dan Shaikh Ahmad Syakir tidak bersetuju dengan penggunaan Israiliyyat di dalam kitab-kitab tafsir. Ini kerana menggunakan kisah-kisah Israiliyyat untuk menafsirkan ayat al-Quran akan menunjukkan seolah-olah kisah-kisah Israiliyyat itu benar-benar berlaku, sedangkan kisah-kisah Israiliyyat itu bercampur-campur antara yang benar, palsu dan yang tidak diketahui statusnya.

Tafsir bil ra'yi

Tafsir bil ra'yi merupakan satu bentuk penafsiran yang menggunakan kefahaman sendiri tanpa merujuk kepada dalil-dalil yang lain dan tidak juga merujuk penafsiran yang dibuat oleh para sahabat. Ia hanya berdasarkan akal fikiran semata-mata. Akan tetapi ijtihad menggunakan akal fikiran yang merujuk kepada wahyu sebagai garis panduan masih diterima dalam menafsirkan al-Quran.

Majoriti yang melakukan penafsiran dengan akal semata-mata adalah golongan ahli bid'ah yang mana mereka cuba menafsirkan al-Quran mengikut fahaman masing-masing.

Mereka mempergunakan al-Quran untuk ditakwilkan maksudnya mengikut pendapat peribadi mereka dan tidak mempunyai asas dalam penafsiran itu daripada penafsiran ulama salaf.

Antara yang berlaku ialah fahaman muktazilah yang menyerap masuk dalam kitab-kitab tafsir. Ini sebagaimana kitab Tafsir Al-Kasyaf yang mana penyusunnya menyusupkan fahaman muktazilah dalam penafsirannya. Begitu juga ahli Kalam yang menakwilkan sifat-sifat Allah.

Status tafsir bil ra'yi

Menafsirkan al-Quran dengan akal fikiran tanpa panduan wahyu merupakan perkara yang diharamkan.

Firman Allah:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

Janganlah kalian ikuti sesuatu yang kalian tiada ilmu padanya. [Al-Isra' : 36]

Daripada Ibnu 'Abbas radiallahu 'anhuma, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ " . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ

Sesiapa yang berkata-kata tentang al-Quran dengan akal fikirannya, maka ambillah tempatnya di neraka. [Jami' at-Tirmizi, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 3205]

Abu Bakar as-Siddiq radiallahu 'anhu berkata:

أيُّ أرضٍ تُقِلُّني، وأيُّ سماءٍ تظلّني، إذا قلتُ في القرآن برأيي – أو: بما لا أعلم.

Bumi manakah yang akan menyokong aku, dan langit manakah yang akan menaungi ku, apabila aku berkata tentang al-Quran dengan fikiran ku, atau dengan apa yang aku tidak tahu. [Jami' al-Bayan, no: 79]

عَنْ جُنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ " .

Daripada Jundub bin 'Abdullah, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Sesiapa yang berkata-kata tentang al-Quran dengan fikirannya, lalu dia benar, sesungguhnya dia telah berdosa. [Jami' at-Tirmizi, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 3206]

عن يحيى بن سعيد، عن سعيد بن المسيب: أنه كان إذا سُئل عن تفسير آية من القرآن، قال: أنا لا أقول في القرآن شيئًا.

Daripada Sa'id bin al-Musayyib; beliau ditanya tentang tafsir sebuah ayat daripada al-Quran. Beliau menjawab: Aku tidak akan berkata tentang al-Quran sedikit pun. [Jami' al-Bayan, no: 94]

Dalam riwayat lain disebutkan:

أنه كان لا يتكلم إلا في المعلوم من القرآن

Sa'id bin Al-Musayyib tidak akan berkata-kata kecuali tentang perkara yang diketahui di dalam al-Quran. [Jami' al-Bayan, no: 95].

Oleh kerana itu, Imam at-Thabari menyimpulkan:

وهذه الأخبار شاهدةٌ لنا على صحة ما قُلنا: من أنّ ما كان مِن تأويل آيِ القرآن الذي لا يُدرَك علمه إلا بنَصِّ بيان رسول الله صلى الله عليه وسلم، أو بنَصْبه الدلالة عليه – فغير جائز لأحد القِيلُ فيه برأيه.

Semua riwayat di atas menjadi bukti kepada benarnya pendapat kami bahawa tidak bolehnya menafsirkan ayat al-Quran dengan pendapat sendiri, yang mana tidak diketahui maksudnya kecuali melalui penjelasan daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam atau dengan dalil yang didirikannya itu.

بل القائلُ في ذلك برأيه – وإن أصاب الحق فيه – فمخطئ فيما كانَ من فِعله، بقيله فيه برأيه، لأن إصابته ليستْ إصابة مُوقن أنه محقٌّ، وإنما هو إصابة خارصٍ وظانٍّ.

Bahkan, seandainya penafsirannya itu betul sekalipun, maka dia tetap berdosa dengan apa yang dia lakukan kerana dia telah bercakap tentang al-Quran dengan fikirannya sendiri. Ini kerana betulnya pendapatnya itu bukanlah dengan hujan yang menyakinkan akan tetapi ia terbina dengan dugaan semata.

والقائل في دين الله بالظنّ، قائلٌ على الله ما لم يعلم. وقد حرَّم الله جلّ ثناؤه ذلك في كتابه على عباده، فقال: { قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنزلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لاَ تَعْلَمُونَ } [سورة الأعراف: 33].

Orang yang berkata tentang agama Allah dengan sangkaan semata-mata adalah orang yang berkata tentang Allah tanpa ilmu. Sesungguhnya Allah telah mengharamkan hal tersebut di dalam al-Quran. Firman Allah: Katakanlah: Sesungguhnya Tuhan ku telah mengharamkan perkara keji sama ada yang zahir daripadanya atau yang tersembunyi, perbuatan dosa, perlanggaran hak, mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang tidak diturunkan hujah mengenainya, dan berkata tentang Allah sesuatu yang kalian tidak tahu. [Al-A’raf : 33] [Jami’ al-Bayan, jilid 1, m/s 78-79].

Ini bukanlah bermaksud tidak boleh berijtihad langsung di dalam menafsirkan al-Quran. Generasi salaf banyak berijtihad dalam menafsirkan al-Quran, akan tetapi ijtihad ini terbina di atas ilmu pengetahuan dan mereka hanya melakukannya apabila mereka tidak menemui penjelasan ayat tersebut daripada ayat al-Quran yang lain atau daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Yang salah ialah apabila seseorang terus meninggalkan tafsir bil ma’thur dan mengunggulkan akalnya sendiri.

Berkenalan dengan kitab-kitab tafsir

Berikut merupakan beberapa kitab tafsir yang popular dalam dunia Islam.

Tafsir at-Thabari

Nama penuh tafsir ini ialah Jami’ al-Bayan Fi Ta’wil Al-Quran. Ia disusun oleh Al-Imam Abu Ja’far Muhammad bin Jarir at-Thabari. Ia merupakan tafsir tertua yang lengkap yang sampai kepada umat Islam di masa kini. Sedangkan kitab-kitab tafsir sebelumnya hanya dikenali nama sahaja akan tetapi tidak ada yang lengkap sampai kepada umat Islam.

Tafsir at-Thabari disebut-sebut sebagai ulama sebagai sebuah kitab tafsir yang terbaik. Ia menjadi rujukan kepada tafsir-tafsir yang datang terkemudian.

Dalam menafsirkan sesuatu ayat, Imam at-Thabari akan membawakan banyak riwayat atau atsar yang menghuraikan maksud ayat tersebut. Adakalanya beliau akan mengkritik status riwayat tersebut sama seperti yang dilakukan oleh para ulama hadis.

Di dalam Tafsir at-Thabari juga akan dihuraikan berkaitan qiraat-qiraat yang wujud. Di dalam kitab ini juga terdapat riwayat-riwayat Israiliyyat.

Imam At-Thabari juga akan menyentuh isu-isu akidah dan membincangkannya. Adakalanya dia akan mengeluarkan hujah menyanggah golongan Ahli Kalam dan mengemukakan hujah-hujah Ahlus Sunnah.

Tafsir Ibnu Kathir

Nama penuh kitab ini ialah Tafsir al-Quran al-Azhim. Ia ditulis oleh seorang ulama mazhab Syafie bernama Al-Imam Abu Al-Fida' Ismail bin 'Umar bin Kathir. Beliau merupakan salah seorang anak murid kepada Ibnu Taimiyyah. Beliau merupakan seorang imam yang menguasai dan menulis kitab tafsir, hadis dan sejarah. Kitab sejarahnya Al-Bidayah wa An-Nihayah merupakan antara rujukan utama dalam dunia Islam.

Tafsir Ibnu Kathir menduduki tempat kedua daripada sudut keutamaan selepas Tafsir At-Thabari. Bahkan Imam Ibnu Kathir sering kali menukilkan riwayat dan perkataan Imam at-Thabari di dalam tafsirnya.

Imam Ibnu Kathir menafsirkan ayat al-Quran dengan hadis, atsar dan beliau akan membawakan sanadnya. Adakalanya beliau akan mengkritik riwayat yang dibawakan apabila didapati ia adalah riwayat yang bermasalah. Sebagaimana dalam Tafsir at-Thabari, di dalam Tafsir Ibnu Kathir juga terdapat riwayat-riwayat Israiliyyat dan beliau sering mengkritik riwayat-riwayat sebegitu.